

DATE : 13 JUNE 2017
PUBLICATION : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
SECTION : HORIZON
HEADLINE : SERBA DINAMIK BAWA ANAK YATIM, ASNAF BELI-BELAH
BAJU RAYA
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 84CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Serba Dinamik bawa anak yatim, asnaf beli-belah baju raya

LABUAN: Sebuah syarikat minyak dan gas, Serba Dinamik Group Berhad membawa 40 kanak-kanak terdiri daripada anak yatim dan anak asnaf membeli-belah di Kompleks Ujana di sini bersempena Aidilfitri.

Timbalan Presidennya Pangeran Datuk Daud Pangeran Putra Abdul Rahman Mohd Nasri berkata setiap mereka menerima RM200 dan tambahan duit raya sebanyak RM50 untuk membeli apa sahaja yang mereka mahu bagi menyambut hari raya nanti.

“Program Semurni Kasih Ramadan dianjurkan bersempena Aidilfitri yang bakal tiba, ia merupakan sesuatu yang baik apabila dapat memberikan senyuman dan kegembiraan kepada mereka yang kurang bernasib baik pada bulan Ramadan ini.

“Kami mahu anak-anak yatim dan anak asnaf ini menyambut hari raya dengan meriah,” katanya dan menambah



AMALAN MURNI: Antara anak yatim yang dibawa membeli-belah di Kompleks Ujana semalam bersempena Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi. — Gambar Bernama

kanak-kanak itu ditemani kakitangan syarikat yang membantu mereka memilih baju baharu

dan keperluan lain.

Beliau berkata program tanggungjawab sosial kor-

porat tahunan itu bertujuan mendekati golongan kurang bernasib baik. — Bernama